

Malaysia jadi contoh negara stabil

28 SEP 1991

NEW YORK, Jumaat — Malaysia harus dijadikan contoh sebuah negara yang stabil walaupun mempunyai pelbagai kaum, pegangan agama dan bahasa, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, formula kestabilan Malaysia ialah mengadakan perikatan parti-parti politik pelbagai kaum sebelum pilihanraya.

"Di Malaysia, kita sentiasa menekankan perlunya kestabilan politik untuk memastikan pertumbuhan ekonomi. Kerana itu, dari mula lagi kaum di negara ini merangka satu sistem kerjasama," katanya ketika menemui kakitangan *Time International* di sini, hari ini.

Menurutnya, satu perikatan parti-parti politik pelbagai kaum memerintah Malaysia dengan aman.

Beliau memberitahu wartawan *Time International* bahawa formula ini harus menjadi ikutan negara-negara

yang menghadapi masalah kestabilan seperti Afrika Selatan.

"Israel sebagai contoh menghadapi masalah dalam kerajaan kerana kerajaannya dibentuk selepas mengadakan pakatan dengan parti lain berikutan pilihanraya. Ini boleh menimbulkan masalah.

"Di Malaysia kita menentukan pakatan terlebih dahulu sebelum pilihanraya diadakan. Dengan cara itu, kita tidak menghadapi masalah parti kecil mengugut pemerintah," katanya.

Ditanya mengenai soal kesihatan dirinya, Perdana Menteri berkata, beliau lebih sihat sekarang dan tidak sukar bernafas seperti dahulu.

Perdana Menteri turut mengadakan perbincangan dengan Presiden Majlis Tertinggi Kebangsaan Kemboja (Samdec), Putera Norodom Sihanouk.

Rundingan itu berkisar pada soal-soal hubungan dua hala.